

4.6

JUSTIFIKASI KEDUDUKAN KEWANGAN SESEBUAH PERNIAGAAN BERDASARKAN PENYATA KEWANGAN

Bahagian ini menerangkan justifikasi kedudukan kewangan perniagaan berdasarkan peratusan nisbah-nisbah kewangan yang telah dipelajari. Berikut adalah contoh perniagaan berasaskan produk.

MUSIDAH JATI ENTERPRISE LEBIH KUALITI, LEBIH MURAH.

PROFIL SYARIKAT MUSIDAH JATI ENTERPRISE LATAR BELAKANG SYARIKAT

MUSIDAH JATI SDN BHD memulakan perniagaan perabot pada tahun 2001. Perniagaan ini beroperasi di kawasan Taman Perindustrian Puchong dengan tiga orang pekerja untuk membekalkan perabot bagi penduduk setempat. Berdasarkan permintaan yang tinggi, perniagaan mempelbagaikan produk dan meluaskan pasaran. MUSIDAH JATI SDN BHD berjaya meluaskan pasaran ke seluruh Malaysia.

Jenis Nisbah	2015	2016
a) Nisbah Kecairan		
i. Nisbah Semasa	1.97 kali	2.05 kali
b) Nisbah Kecekapan		
i. Pusing Ganti Stok	7.11 kali	6.6 kali
ii. Pusing Ganti Aset	1.29 kali	1.35 kali
c) Nisbah Untung		
i. Peratusan Margin Untung Kasar	32.1%	30.0%
ii. Peratusan Margin Untung Bersih	7.5%	6.4%
iii. Peratusan Pulangan atas Modal	6.42%	4.8%
iv. Peratusan Untung Tokokan	13.6%	10.0%

Rajah 4.1 Perbandingan jenis-jenis Nisbah Kewangan bagi Syarikat Musidah Jati Enterprise bagi tahun 2015 dan tahun 2016.